

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[ SIPITANG ]**

**TARIKH : 25.3.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah keseluruhan kerugian dialami akibat kerosakan sekolah dan kemudahan pembelajaran lain di seluruh negara akibat banjir luar jangkaan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada bulan Disember/Januari lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumpul data kerosakan fizikal sekolah yang perlu dibaiki dan penggantian perabot/peralatan yang rosak akibat banjir luar jangkaan yang melanda negara pada bulan Disember 2014 dan Januari 2015 yang lepas. Berdasarkan maklumat tersebut, sehingga 26 Februari 2015, anggaran kos berjumlah **RM462.8 juta** diperlukan untuk memenuhi keperluan penggantian harta modal dan membaiki kerosakan/ penyelenggaraan fizikal yang rosak di sekolah/premis yang terjejas.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri meluluskan sebanyak **RM294 juta** bagi keseluruhan projek pemulihan pasca banjir. Agihan peruntukan ini dilaksanakan secara penurunan RM80 juta pada

tahun 2015; dan baki RM214 juta akan diturunkan pada tahun 2016. Kelulusan Arahannya Perbendaharaan (AP) 173.2 daripada Kementerian Kewangan membolehkan pihak Jabatan Pendidikan Negeri berkaitan membuat perolehan tender dengan kadar segera di samping dapat mempercepatkan proses pembaikan dan pelaksanaan di sekolah yang terlibat.

Selain itu juga, KPM juga menyelaraskan bantuan yang dihulurkan oleh pihak Agensi Kerajaan, Swasta dan NGO, sukarelawan dan individu yang telah menunjukkan keprihatinan mereka dalam memberi sumbangan dalam bentuk wang ringgit, peralatan dan tenaga dalam membantu sekolah-sekolah yang terlibat dengan banjir di negeri-negeri yang terjejas. KPM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap segala sokongan dan bantuan yang telah diberikan dalam usaha memastikan pendidikan anak bangsa tidak terjejas akibat musibah banjir yang melanda.

RJM61